

BAB 5

RINGKASAN , PENILAIAN DAN CADANGAN

A . RINGKASAN DAN PENILAIAN

Perbincangan dalam bab - bab yang lepas boleh diringkas , dirumus dan dinilai seperti berikut .

Asas Pembentukan KBSR

Pembentukan KBSR dapat dirumuskan berasaskan kepada prinsip kesepadan ; perkembangan individu secara menyeluruh , seimbang dan harmonis ; pendidikan yang sama untuk semua pelajar ; pendidikan seumur hidup ¹ ; Falsafah Pendidikan Kebangsaan ; Falsafah Pendidikan Islam ; perakuan dalam *Laporan Razak 1951* ; *Laporan Rahman Talib 1960* ; *Acta Pelajaran 1961* ; dan *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* .

Asas Pelaksanaan KBSR

Asas pelaksanaan KBSR adalah berasaskan kepada laporan pelaksanaan terhad KBSR di 305 buah sekolah rendah di bawah pengawasan JPN 1982 hingga 1987 ,

¹ *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah* .
Penerbit dan Pencetak : Pusat Perkembangan Kurikulum
(1995) , h . 21 .

laporan KBSR oleh USM 1987 hingga 1990² dan laporan pelaksanaan penuh KBSR di semua sekolah rendah seluruh negara 1983 hingga 1994 .

Reformasi Pendidikan

Reformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM melalui KBSR dan KBSM adalah bertujuan untuk mencapai dasar pendidikan kebangsaan dan dasar pembangunan negara iaitu perpaduan nasional , pembangunan kemanusiaan , pembangunan tenaga rakyat , DEB , DPN dan Wawasan 2020 .

Reformasi pendidikan ini adalah selaras dengan resolusi Persidangan Sedunia Pendidikan Islam yang diadakan pertama kalinya pada 31 Mac hingga 8 April 1977 di Makkah al - Mukarramah . Persidangan tersebut berpendapat agar sistem pendidikan yang sedang beroperasi di negara umat Islam kini didomenasikan oleh konsep sekularisme yang tidak berpaksikan kepada ketuhanan . Justeru , persidangan menyarankan agar sistem pendidikan yang sedang beroperasi di negara tersebut mestilah dirombak dan disclaraskan dengan ajaran Islam .

Ia juga selaras dengan beberapa perakuan yang terkandung dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* . Laporan tersebut telah membuat beberapa perakuan yang menyentuh perkara prinsip dan dasar pendidikan kebangsaan , hala tuju dasar tersebut , pembentukan kurikulum pendidikan yang dapat

² Pihak PPK telah melantik USM sebagai penilai luar KBSR diketuai oleh Profesor Madya Zainol Datuk Ghani dan Dr . Mohd . Daud Hj . Hamzah .

membentuk perpaduan nasional dan mencapai dasar pembangunan negara yang telah ditetapkan .

Langkah ini bertujuan untuk membangunkan semula ketamadunan umat Islam supaya maju sama seperti umat yang lain . Mereka perlu menghidupkan semula ketamadunan dalam bidang sains , teknologi , ekonomi , politik , sosial , kebudayaan , ilmu pengetahuan dan budi pekerti untuk memainkan peranan yang positif dan membina dalam dunia pada hari ini ; dan seterusnya membuat persediaan untuk menghadapi arus globalisasi yang semakin mencabar dan sofistikated . Justeru itu , beberapa langkah positif diambil oleh KPM untuk mencapai matlamat berkenaan .

Proses Penggubalan Kurikulum

Untuk mencapai matlamat tersebut , pihak KPM telah menggubal dan melaksanakan KBSR mulai tahun 1983 dan ia berterusan hingga kini . KBSR menekankan aspek kemahiran asas 3 M iaitu membaca , menulis dan mengira ; ilmu pengetahuan dan kemahiran ; nilai murni dan sikap positif ; dan kesenian dan kesihatan . Mata pelajaran yang menekankan kemahiran asas ialah Bahasa Melayu , Bahasa Cina , Bahasa Tamil , Bahasa Inggeris dan Matematik ; ilmu pengetahuan dan kemahiran ialah Kajian Tempatan dan Kemahiran Hidup ; nilai murni dan sikap positif ialah Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral ; dan kesenian dan kesihatan ialah Pendidikan Muzik , Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan³ . Semua mata pelajaran tersebut

³ Pusat Perkembangan Kurikulum (1995) , op . cit . , h . 25 .

termasuk aktiviti kurikulum dapat mendidik , membimbing dan membantu para pelajar menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat sekolah menengah .

Secara keseluruhannya pendidikan peringkat sekolah rendah adalah bertujuan untuk menyediakan para pelajar dengan ilmu pengetahuan , kemahiran dan nilai murni agar perkembangan potensi para pelajar dari segi intelek , rohani , emosi , jasmani , bakat , akhlak , nilai estetika dan sosial seimbang , sepadan dan harmonis⁴ . Usaha ini adalah selaras dengan matlamat dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan .

Penggubalan Falsafah , Matlamat dan Pendidikan Moral

Untuk merealisasikan KBSR dengan berkesan , KPM telah menyusun semula pentadbiran pendidikanya . Nama bahagian - bahagian ditukar kepada nama yang sesuai dengan fungsinya seperti Kementerian Pelajaran Malaysia ditukar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia . Di samping itu , pegawai - pegawai di bahagian KPM seperti di PPK , JNS dan JPN ditambah . Manakala PPD diwujudkan di setiap daerah di seluruh negara . Langkah ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan struktur pelaksanaan KBSR supaya lebih berkesan .

KPM telah menggubal penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Matlamat Pendidikan Kebangsaan serta huraianya untuk menjadi panduan dan hala tuju kepada perancang , penggubal , pengurus , pemantau dan pengamal pendidikan ke arah

⁴ *Ibid.* , h . 4 .

membentuk jenerasi Malaysia pada masa akan datang . Kedua - duanya bersifat utiliti dan diisyiharkan secara rasminya pada tahun 1988 . Di samping itu , digubal penyataan Falsafah Pendidikan Islam dan Matlamat Pendidikan Islam serta huraiannya bertujuan untuk menjadi panduan dan hala tuju membentuk jenerasi Islam Malaysia melalui pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR . Kedua - dua penyataan tersebut bersifat utiliti dan diisyiharkan secara rasminya pada tahun 1988 .

KPM telah memperkenalkan satu mata pelajaran baru iaitu Pendidikan Moral dalam KBSR . Ia diajar kepada pelajar - pelajar bukan Islam seiring dengan mata pelajaran Pendidikan Islam . Ini bererti semasa pelajar - pelajar Islam mempelajari Pendidikan Islam , pelajar - pelajar bukan Islam mempelajari Pendidikan Moral .

Dengan penggubalan penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan , Matlamat Pendidikan Kebangsaan , Falsafah Pendidikan Islam dan Matlamat Pendidikan Islam serta huraihan kedua - duanya dapatlah menjadi panduan dan hala tuju kepada perancang , penggubal , pengurus , pemantau dan pengamal Pendidikan Islam membentuk jenerasi Islam Malaysia melalui pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR . Manakala pelaksanaan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dapatlah menanam nilai dan sikap hidup yang baik , kelakuan yang bersopan santun dan hormat menghormati bagi membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin , bertatasusila dan bersatu padu serta berpegang teguh dengan ajaran agama . Langkah ini selaras dengan matlamat pendidikan sekolah rendah iaitu memastikan perkembangan potensi para pelajar secara menyeluruh , seimbang dan

scpadu . Perkembangan ini meliputi aspek intelek , rohani , emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang , harmonis dan berakhlik mulia⁵ .

Prosedur Pembentukan Kurikulum Pendidikan Islam

Prosedur pembentukan kurikulum Pendidikan Islam KBSR adalah berpandukan kepada prosedur pembentukan kurikulum yang ditetapkan . Prosedurnya ada lima tahap⁶ . Pertama , penggubalan matlamat , objektif dan bidang mata pelajaran . Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 dan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* mengandungi matlamat dan bidang mata pelajaran yang sama iaitu Asuhan Membaca Al - Quran dan Rampaian Pendidikan Agama Islam . Kedua - dua bidang tersebut mengandungi objektifnya yang tersendiri . Kedua , penyediaan bahan kurikulum iaitu sukatan pelajaran , buku panduan khas dan kit pembelajaran . Ketiga , pelaksanaan terhad bahan kurikulum . Dalam hal ini percubaan Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 telah dilakukan dari tahun 1979 hingga 1981 sebelum pelaksanaan KBSR dan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dari tahun 1982 hingga 1987 dalam KBSR . Keempat , pelaksanaan penuh bahan kurikulum . Pelaksanaan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* adalah dari tahun 1983 hingga tahun 1994 di semua sekolah rendah seluruh negara . Dalam tempoh tersebut pihak PPK , JNS , JPN , PPD dan BPG sentiasa memantau untuk menilai keberkesanannya pelaksanaannya . Kelima , PPK menilai semula pelaksanaan kurikulum dan bahannya termasuk mengumpul maklumat dari JPN , PPD , JNS dan

⁵ *Ibid.* , h . 15 .

⁶ Mohd . Daud Hamzah (1993) . *Penerokaan Teori Kurikulum* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h . 4 . Rujuk Kertas Kerja Lampiran A .

BPG , membuat laporan dan membentangkannya dalam Mesyuarat JPK atau Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR / KBSM yang diadakan lima atau enam kali setahun untuk dibincang dan dibuat keputusan . Laporan pelaksanaan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR / KBSM pada tahun 1993 . Impaknya digubal *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam 1994* dan dilaksanakannya mulai sesi persekolahan tahun 1995 .

Kesimpulannya , pelaksanaan prosedur pembentukan kurikulum Pendidikan Islam tersebut dapat memastikan pelaksanaannya di sekolah berjalan lancar dan berkesan untuk mencapai objektif , matlamat dan falsafah pendidikan yang ditetapkan ; kerelevanannya kurikulum dengan perkembangan semasa ; bersifat utiliti ; dan dapat memenuhi aspirasi masyarakat Islam kini . Di samping itu , ia dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kurikulum itu sendiri . Aspek kekuatan dipertingkatkan sementara kelemahannya diperbaiki untuk pelaksanaan seterusnya .

Objektif Sukatan Pelajaran

Ada dua sukatan pelajaran yang dibincang dalam disertasi ini iaitu *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977* dan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* . Kedua - dua sukatan pelajaran tersebut mengandungi objektif am Pendidikan Islam sekolah rendah ; objektif khas Bidang Asuhan Membaca Al - Quran dari tahun satu hingga tahun enam ; dan objektif khas setiap pelajaran dalam Bidang Rampaihan

Pendidikan Agama Islam dari tahun satu hingga tahun enam . Kedua - dua jenis objektif tersebut adalah jelas . (Rujuk halaman 69 - 77 dan 146 - 152) .

Secara ringkasnya objektif tersebut memudahkan pihak penggubal , perancang , pengurus dan pemantau pendidikan memahami sukanan pelajaran tersebut dan menjalankan tugas mereka dengan berkesan . Sementara pengamal pendidikan pula seperti guru agama mudahlah bagi mereka untuk merancang strategi pengajaran dan pembelajaran , penyediaan BBM dan penyediaan item penilaian . Perkara ini diperjelas lagi oleh pernyataan matlamat dan Falsafah Pendidikan Islam serta huraiannya .

Pelaksanaan Terhad dan Penuh Sebelum

Kurikulum Baru Sekolah Rendah

Sebelum pelaksanaan KBSR Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 telah dicuba di lapan buah sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan dan negeri Selangor di bawah pengawasan PPK dari tahun 1979 hingga tahun 1981 . Objektif percubaan sukanan pelajaran tersebut adalah untuk menilai kesesuaian isi kandungan dengan tahap pencapaian dan umur para pelajar sekolah rendah . Isi kandungannya terbahagi kepada dua bidang iaitu Bidang Asuhan Membaca Al - Quran dan Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam . Bidang Asuhan Membaca Al - Quran menekankan aspek asuhan dan latihan membaca , menghafaz dan memahami surah - surah tertentu dalam juzuk ketiga puluh dan kemahiran tajwid . Manakala Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam

merangkumi pelajaran akidah , ibadat , sirah dan budi pekerti . Hasil laporan percubaan sukanan pelajaran tersebut digubal *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dan dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara dari tahun 1982 hingga tahun 1984 .

Terdapat dua halangan yang mempengaruhi dalam pelaksanaan terhad Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 . Pertama , surah - surah bacaan adalah padat dan banyak menyebabkan guru agama tidak dapat melatih tubi bacaan dengan sempurna . Mereka melatih dan membimbing para pelajar membaca al - Quran sekali lalu sahaja kerana kesuntukan masa . Mereka tergesa - gesa untuk menghabiskan sukanan pelajaran . Implikasinya pelajar - pelajar mendapat latihan dan bimbingan membaca al - Quran di sekolah tidak dapat menguasai kemahiran membaca al - Quran dengan baik . Untuk mengatasinya mereka mencadangkan surah - surah bacaan dikurangkan supaya masanya dapat digunakan untuk melatih tubi para pelajar membaca al - Quran .

Kedua , tidak ada tempat khas untuk pelajar - pelajar melakukan kemahiran - kemahiran agama yang dipelajari secara praktikal . Tidak semua sekolah percubaan PPK dapat menyediakan kemudahan tersebut dengan sempurna . Contohnya tidak ada tempat khas untuk mengambil wuduk dan menunaikan solat fardu . Implikasinya apabila sesuatu aktiviti dijalankan sebahagian para pelajar sahaja dapat melakukannya . Ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kurang berkesan .

Kedua - dua halangan tersebut telah dibincangkan dalam mesyuarat JBPK⁷ . JBPK berpendapat bahawa kepadatan dan banyaknya surah bacaan dapat diatasi dengan pertambahan masa Pendidikan Islam sebanyak 180 minit seminggu mulai tahun 1985 . Manakala penyediaan tempat khas untuk latihan amali Pendidikan Islam , JBPK berpendapat ia perlu dibawa ke mesyuarat peringkat atasan untuk mendapat kelulusan peruntukan kewangan KPM . Walau bagaimanapun pihak sekolah disarankan menyediakan kemudahan tersebut tanpa peruntukan dari KPM .

Kesimpulannya , pelaksanaan terhad Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 amat penting kerana ia dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya . Aspek kekuatan dikekalkan sementara kelemahannya diperbaiki dalam sukatan pelajaran yang baru digubal . Di samping itu untuk membolehkan para pelajar menguasai kemahiran membaca al - Quran dengan betul , fasih dan bertajwid , mereka perlu dilatih tubi membaca al - Quran kerana al - Quran berbahasa Arab dan ia merupakan bahasa asing bagi mereka . Sementara kemahiran - kemahiran Pendidikan Islam seperti farduan memerlukan tempat khas untuk latihan amali supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan . Untuk mengatasinya dicadangkan bilik makmal Pendidikan Islam yang lengkap dan peruntukan kewangan untuk Pendidikan Islam perlu disediakan oleh KPM .

Pelaksanaan Terhad dan Penuh Kurikulum Baru Sekolah Rendah

⁷ ' Laporan Percubaan Sukatan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah 1979 - 1981 Bagi Darjah 1 - 1V ' (Kertas Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum Yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Badan Petugas Khas PPK Pada April 1981) , h . 30 .

Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982 telah dicuba di 305 buah sekolah rendah seluruh negara bersama dengan mata pelajaran lain dalam KBSR dari tahun 1982 hingga 1987. Objektif percubaan adalah untuk mendapatkan maklum balas tentang program Pendidikan Islam KBSR termasuk bahan pengajaran dan pembelajaran ; strategi pengajaran dan pembelajaran ; kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran ; bentuk penilaian ; bahan bantuan mengajar ; dan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran . Isi kandungannya terbahagi kepada dua bidang iaitu Bidang Asuhan Membaca Al - Quran dan Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam . Bidang Asuhan Membaca Al - Quran menekankan aspek asuhan dan latihan membaca , menghafaz dan memahami surah - surah tertentu dalam juzuk ketiga puluh dan kemahiran tajwid . Manakala Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam mengandungi pelajaran budi pekerti , akidah , ibadat dan sirah .

Sukatan pelajaran ini juga dijadikan sukanan pelajaran pelaksanaan penuh dalam KBSR dari tahun 1983 hingga tahun 1994 . Oleh kerana jarak masa yang terlalu dekat antara pelaksanaan terhad dan pelaksanaan penuh maka sukarlah untuk membetulkannya dalam sukanan pelajaran tersebut . Pelaksanaan terhad tahun satu pada tahun 1982 dan pelaksanaan penuhnya tahun 1983 . Begitulah seterusnya hingga ke tahun enam . Justeru masalah - masalah yang telah dikenal pasti semasa pelaksanaan terhad dan penuh sukanan pelajaran berkenaan dari tahun 1982 hingga tahun 1994 diperbetulkan semasa penyemakan semula KBSR dari tahun 1990 hingga tahun 1994 .

PPK telah mengenal pasti masalah berkaitan pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR antaranya kepadatan surah bacaan , hafalan , dan kefahaman dalam Bidang Asuhan Membaca Al - Quran . Guru agama tidak dapat melatih tubi ayat - ayat al - Quran yang dibaca dengan sempurna di bilik darjah . Sedangkan kemahiran melatih tubi bacaan adalah penting dalam pembacaan al - Quran kerana ia dapat membentuk *makhraj* dan memfasihkan bacaan al - Quran para pelajar . Untuk mengatasinya beberapa surah bacaan , hafalan dan kefahaman dikurangkan dari tahun satu hingga tahun enam . Pengurangan surah - surah tersebut tidak menjasakan matlamat pembacaan al - Quran . Masa pengurangannya dapatlah digunakan oleh guru agama untuk melatih tubi bacaan al - Quran para pelajar . Surah bacaan dari 33 surah (709 ayat) dikurangkan kepada 30 surah (312 ayat) iaitu dari surah *al - Fatihah* hingga surah *al - Tariq* . Surah hafalan dari 19 surah (116 ayat) dikurangkan kepada 17 surah (99 ayat) iaitu dari surah *al - Fatihah* hingga surah *al - Takathur* , surah *al - Qadr* , surah *al - Syarh* dan surah *al - Dhuha* . Manakala surah kefahaman dari 12 surah (58 ayat) dikurangkan kepada enam surah (31 ayat) iaitu surah *al - Fatihah* , surah *al - Nas* , surah *al - Falaq* , surah *al - Ikhlas* , surah *al - Kafirun* dan surah *al - 'Asr* .

Di samping itu , pelajaran tajwid yang tinggi dan diajar secara terpisah semasa membaca al - Quran menjadi masalah kepada Pendidikan Islam . Apa yang dikehendaki ialah para pelajar dapat membaca al - Quran dengan betul dan fasih tanpa menghafaz atau mengingat hukum tajwid . Untuk mengatasinya beberapa kemahiran tajwid yang asas sahaja dikekalkan iaitu tanda *mad* ; tanda *waqaf* ; *alif lam qamariyyah* dan *alif lam syamsiyyah* ; hukum nun mati ; hukum *tanwin* ; hukum nun dan mim bertanda *syaddah* ;

dan hukum mirm mati . Semua kemahiran tersebut diajar dari tahun tiga hingga tahun enam .

Kesimpulannya , pelaksanaan terhad dan penuh *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* di semua sekolah rendah mendapat kerjasama semua pihak dalam KPM dan ia berjalan mengikut yang dirancangkan .

Kursus Orientasi

Kursus orientasi Pendidikan Islam yang telah dijalankan ialah kursus orientasi pelaksanaan terhad *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977* dan kursus orientasi pelaksanaan penuh *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* sebelum KBSR dan kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dalam KBSR .

Kursus orientasi pelaksanaan terhad *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977* dijalankan oleh PPK di PPK kepada semua guru besar dan guru agama lapan buah sekolah percubaan PPK pada hujung minggu dan semasa cuti persekolahan dari tahun 1979 hingga 1981 . Dalam kursus orientasi tersebut didedahkan kandungan sukatan pelajaran dan perkara yang berkaitan dengannya seperti objektif pelaksanaan terhad ; kaedah pengajaran dan pembelajaran ; bentuk penilaian dan BBM . Di samping itu , beberapa siri kursus orientasi pelaksanaan penuh *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* telah dijalankan oleh PPK dengan kerjasama BPI di peringkat zon dari tahun 1981 hingga

tahun 1983 . Kandungan kursusnya mendedahkan perkara yang berkaitan sukatan pelajaran seperti isi kandungan , strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran , bentuk penilaian dan BBM . Kumpulan sasarananya adalah pegawai JPN , PPD , BPG , JNS , BTP , BBT dan guru agama .

Kursus orientasi pelaksanaan terhad *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* dalam KBSR dijalankan oleh PPK di PPK kepada semua pegawai JPN dan PPD termasuk guru besar dan guru agama di 305 buah sekolah percubaan PPK dan JPN dari tahun 1981 hingga tahun 1986 dan percubaannya dijalankan dari tahun 1982 hingga tahun 1987 . Pelaksanaan penuh sukatan pelajaran tersebut di semua sekolah rendah seluruh negara dijalankan dari tahun 1983 hingga tahun 1988 dan kursus orientasinya dijalankan dari tahun 1982 hingga tahun 1987 kepada pegawai JPN , PPD , guru besar dan KP agama sahaja . Kedua - kedua kursus orientasi tersebut mendedahkan kandungan sukatan pelajaran , buku panduan , kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran , penilaian dan BBM . Pihak JPN - PPD mengadakan kursus orientasi pelaksanaan penuh sukatan pelajaran berkenaan kepada semua guru agama dengan menggunakan kepakaran KP agama yang telah dilatih oleh PPK . Pada umumnya kursus orientasi pelaksanaan penuh anjuran JPN - PPD kurang berkesan kerana kecairan maklumat ⁸ dari KP agama kepada guru agama⁹ .

⁸ Kecairan maklumat bererti maklumat yang disampaikan oleh KP agama peringkat negeri / daerah kepada guru agama tidak menyeluruh sepintama yang diberi oleh pegawai kurikulum agama PPK .

⁹ ' Laporan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1982 - 1989 ' (Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum Dibentangkan Dalam Mesyuarat Penyclarasan PPK , April 1990) , h . 23 .

Dari perbincangan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa semua kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh tersebut berjalan lancar dan mendapat kerjasama dari semua pihak dalam KPM . Kelemahan yang dikenal pasti ialah kecairan maklumat dari KP agama kepada guru agama¹⁰ . Sewajarnya semua kursus orientasi diadakan di peringkat JPN / PPD dengan melibatkan penceramahnya dari pegawai agama PPK sendiri . Di samping itu , jarak masa dua hingga tiga tahun antara kursus orientasi pelaksanaan terhad dengan pelaksanaan penuh adalah disarankan agar semua maklumat dapat disampaikan dalam kursus orientasi pelaksanaan penuh untuk dilaksanakan di sekolah . Selain itu , kursus dalam perkhidmatan kepada semua guru agama perlu diberi dari masa ke semasa untuk meningkatkan profesionalisme mereka dalam bidang keguruan dan pendidikan moden . Dengan itu , pelaksanaan Pendidikan Islam akan lebih berkesan .

Pengesahan , Bimbingan dan Penilaian

Pengesahan , bimbingan dan penilaian sekolah pelaksanaan terhad dan penuh Pendidikan Islam KBSR dijalankan oleh bahagian KPM seperti PPK , BPG , JPN dan PPD dan ajensi luar seperti USM . Tujuannya adalah untuk memastikan pelaksanaan Pendidikan Islam berjalan lancar sepetimana yang dirancangkan . Pemantauan bertujuan untuk memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran dimiliki oleh guru - guru agama , sekolah dan para pelajar seperti sukatan pelajaran , buku panduan , kit pembelajaran , buku teks , rekod prestasi dan hasil kerja pelajar .

¹⁰ *Ibid* .

Bimbingan bertujuan untuk mencapai matlamat Pendidikan Islam KBSR seperti membimbing guru agama menggunakan kepelbagaiannya kaedah dan teknik , membimbing guru besar dan guru akademik menumpukan perhatian kepada pembentukan peribadi para pelajar di samping berusaha meningkatkan pencapaian akademik dan membudayakan sekolah dengan *iqlim dini* . Manakala penilaian pula bertujuan untuk menilai keberkesanannya dan pencapaian Pendidikan Islam KBSR supaya dapat dikesan kelemahan dan kekuatannya untuk diambil tindakan susulan oleh pihak yang berkenaan .

Kesimpulannya , pengesanan , bimbingan dan penilaian berterusan adalah faktor utama kejayaan pelaksanaan Pendidikan Islam sekolah rendah . Melalui buku rekod pembekalan bahan dapat dikesan kecukupan bahan guru dan para pelajar ; rekod profil sekolah dapat dikesan aspek kecemerlangan dan kelemahan sekolah ; dan rekod prestasi dan profil para pelajar dapat dikesan pencapaian akademik dan tingkah laku mereka . Dengan itu , tindakan susulan dapat diambil kepada mereka yang terlibat . Langkah ini bertujuan untuk memastikan Pendidikan Islam sekolah rendah mencapai matlamat dan falsafahnya yang telah diisyiharkan pada tahun 1988 .

Buku Teks

Ada dua buah buku teks Pendidikan Islam sekolah rendah untuk setiap darjah . Buku teks tersebut ditulis oleh panel khas dilantik oleh BBT berpandukan kepada *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* . Buku teks itu ialah *Asuhan Membaca Al - Quran* dan

Rampaian Agama Islam dan ia diguna di sekolah rendah sebelum pelaksanaan KBSR . Untuk mengelakkan pembaziran , kedua - dua buku teks tersebut digunakan dalam percubaan dan pelaksanaan Pendidikan Islam KBSR kerana BBT , BPI dan PPK berpendapat bahawa buku teks berkenaan sesuai digunakan .

Buku teks Pendidikan Islam ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi . Buku teks tahun satu , dua dan tiga ditulis dalam tulisan Rumi kerana pelajaran Jawi belum lagi diajar kepada para pelajar . Sementara buku teks tahun empat , lima dan enam ditulis dalam tulisan Jawi kerana para pelajar telah mempelajari pelajaran Jawi mulai tahun tiga dalam Pendidikan Islam KBSR . Buku teks tersebut digunakan walaupun pelajaran Jawi diajar dari tahun satu hingga tahun enam mulai tahun 1991¹¹ . Dengan penggunaan buku teks Jawi diharapkan para pelajar lebih cepat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi .

Kesimpulannya , Pendidikan Islam KBSR menggunakan buku teks sebelum pelaksanaan KBSR . Buku teks tersebut ialah *Asuhan membaca al - Quran* dan *Rampaian Agama Islam* bertulisan Rumi untuk tahun satu , dua dan tiga dan tulisan Jawi untuk tahun empat , lima dan enam . Ia bertujuan untuk membolehkan para pelajar memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran ; dan menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi ¹² di samping Rumi . Dengan itu dapatlah mereka membaca buku agama Jawi dan Rumi . Buku teks mata pelajaran lain bertulisan mengikut bahasa pengantar

¹¹ Surat Pekeling KP (PPK) 016 / 24 / Jld . V (88)
Bertarikh 6 November 1990 .

¹² *Sukatan Pelajaran Jawi Sekolah Rendah 1994* , KPM (1994) . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h . 1 .

setiap mata pelajaran . Buku teks pelajaran bahasa Inggeris dalam bahasa Inggeris , bahasa Melayu dan pelajaran Alam dan Manusia bertulisan Rumi ¹³ . Dengan itu para pelajar dapat memperolehi ilmu pengetahuan , kemahiran dan nilai - nilai murni serta menguasai kemahiran berbahasa melalui buku teks yang bertulisan bahasa berkenaan . Semua buku teks tersebut di bawah skim pinjaman buku teks KPM pengawasan BBT¹⁴ .

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran amatlah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Ada tiga kaedah yang telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam iaitu kelas , kumpulan dan individu . Kaedah kelas digunakan kepada pelajar - pelajar yang sama tahap kebolehan . Kaedah kumpulan digunakan kepada pelajar - pelajar yang berbeza tahap kebolehan . Manakala kaedah individu digunakan kepada para pelajar yang lembab . Walau bagaimanapun pemilihan kaedah tersebut mestilah berkesan kepada pembelajaran para pelajar terutamanya amalan dan penghayatan agama dalam kehidupan seharian .

Kesimpulannya , kaedah kelas , kumpulan dan individu telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Sesuatu kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan isi kandungan dan kemahiran yang diajar , berkesan dan dapat mencapai

¹³ Pusat Perkembangan Kurikulum (1995) , op . cit . , h . 27 .

¹⁴ ‘ Rancangan Pelaksanaan dan Percubaan Sukatan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan ’ (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Badan Petugas Khas PPK Pada Februari 1979) , Lampiran C , h . 7 .

objektif pengajaran yang ditetapkan . Kaedah kelas sesuai kepada para pelajar yang sama tahap kebolehan ; kaedah kumpulan sesuai kepada para pelajar yang berbeza tahap kebolehan ; dan kaedah individu sesuai kepada para pelajar yang lemah atau lembab . Adalah dicadangkan kaedah kumpulan dan individu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kerana kedua - dua kaedah ini memfokuskan kepada para pelajar yang berbeza tahap kebolehan dan lemah . Justeru ia lebih berkesan jika dibandingkan dengan kaedah lain .

Teknik Pengajaran dan Pembelajaran

Berbagai teknik pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam Bidang Asuhan Membaca Al - Quran . Teknik membaca al - Quran ialah mengenal bentuk , mengecam bunyi dan menyebut ; mengenal , menyebut , membaca dan menulis ; membaca secara *talaqqi* dan *musyafahah* ; dan memperdengarkan bacaan di depan guru . Teknik menghafaz surah iaitu menghafaz sesudah membaca ; menghafaz sesudah melihat ; dan menghafaz sesudah mendengar . Manakala teknik memahami dan menghayati pengajaran ayat iaitu memahami dan menghayati pengajaran ayat sesudah membaca dan memahami dan menghayati pengajaran ayat sesudah menghafaz .

Teknik pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam seperti tunjuk cara , berlakon , simulasi , memainkan peranan , membuat projek , bertemu ramah , bersoal jawab , berbincang dan lawatan . Apa yang penting ialah penggunaan teknik tersebut mestilah bersesuaian dengan isi pelajaran atau

kemahiran yang diajar . Contohnya teknik tunjuk cara sesuai untuk kemahiran mengambil wuduk dan mengerjakan solat fardu kerana teknik ini dapat membolehkan para pelajar melakukannya sendiri di bawah pengawasan guru .

Dari penjelasan di atas jelaslah bahawa pemilihan teknik yang sesuai dan berkesan adalah penting untuk mengajar isi kandungan dan kemahiran Pendidikan Islam . Teknik yang berkesan seperti syarahan diikuti tunjuk cara ; perbincangan diikuti lakonan ; penerangan diikuti simulasi ; dan percambahan fikiran diikuti kerja projek . Ia sejajar dengan prinsip pendidikan bahawa keberkesanan para pelajar belajar sesuatu perkara pada kadar 20 % apa yang didengar dan 50 % apa yang didengar dan dilihat serta dilakukannya¹⁵ . Ini bermakna pengajaran dan pembelajaran secara praktikal adalah lebih berkesan kepada para pelajar .

Waktu Amali

Untuk memastikan para pelajar dapat menguasai kemahiran yang diajar di bilik darjah , satu waktu amali (30 minit) telah diperuntukkan dalam seminggu bagi setiap kelas . Mewujudkan waktu amali bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar mempraktikkan kemahiran - kemahiran yang kurang atau tidak dikuasai oleh mereka . Peranan guru agama dalam waktu ini adalah mendidik , membimbing dan menunjuk cara bagaimana melakukan kemahiran - kemahiran Pendidikan Islam dengan betul dan sempurna . Langkah ini untuk memastikan semua pelajar dapat menguasai semua

¹⁵ Jarnaiah bt . Osman dan Omar bin Haji Samsuri (1995) , Penggunaan Sumber . Kuala Lumpur : Bahagian Teknologi Pendidikan , KPM . h . 13 .

kemahiran yang dipelajari oleh mereka dengan berkesan terutamanya amalan fardu ain¹⁶.

Dengan itu dapatlah mereka mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Pihak PPK telah menyediakan bahan bantuan mengajar untuk kegunaan guru agama dan para pelajar. Bahan untuk guru agama seperti buku panduan dan nota yang berkaitan percubaan dan pelaksanaan Pendidikan Islam. Manakala untuk para pelajar seperti kit pembelajaran yang mengandungi bahan bercetak seperti gambar bersiri dan gambar situasi ; dan bahan permainan seperti kad cantuman dan kad imbasan . Di samping itu , beberapa bahan lain digunakan antaranya bahan maujud seperti air , tanah , sabun dan kain ; alat pandang dengar seperti pita rakaman , kaset , filem , slaid dan pita video ; dan bahan tiruan seperti anak patung . Penggunaan bahan - bahan tersebut dapat menarik minat para pelajar untuk belajar dan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam lebih berkesan .

Penjelasan cara penggunaan BBM termasuk kit pembelajaran didedahkan dalam kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh . Dalam kursus tersebut dibengkelkan BBM tambahan untuk kegunaan guru agama di sekolah . Langkah ini bertujuan untuk membimbing mereka menyediakan BBM yang berkesan untuk diaplikasikan di bilik darjah . Dalam konteks penyediaan bahan ini kebanyakan guru agama berpendapat bahawa mereka sukar menyediakan gambar bersiri dan situasi kerana mereka tidak pandai

¹⁶ *Ibid* .

melukis . Sebagai alternatifnya mereka disaran menggunakan bahan media massa seperti keratan majalah dan surat khabar .

Pendekatan Kesepaduan

Pendekatan kesepaduan diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Aspek yang diberi penekanan ialah penggabungjalinan ; penyerapan ; pemulihan dan pengkayaan ; bahasa Melayu dan nilai - nilai murni merentas kurikulum .

a . Penggabungjalinan

Penggabungjalinan diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Ia bertujuan untuk membolehkan para pelajar menguasai beberapa kemahiran dalam jangka masa tertentu . Dalam pelaksanaannya kemahiran mengenal , menyebut , membaca dan menulis huruf - huruf Arab diajar serentak dalam satu pengajaran . Ia bertujuan untuk membolchikan para pelajar menguasai beberapa kemahiran serentak dalam satu waktu pengajaran . *Langkah ini mempercepatkan pencapaian objektif satu - satu pembelajaran .*

b . Penyerapan

Penyerapan diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Unsur - unsur mata pelajaran lain seperti sains , semangat patriotism dan

pendidikan kewarganegaraan diserap dalam Pendidikan Islam .

Maklumat sains diserapkan dalam pelajaran akidah supaya iaanya lebih diyakini di hati para pelajar tentang kekuasaan Allah . Guru agama disarankan membaca buku panduan mata pelajaran lain untuk menambahkan maklumat agar dapat menyerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Di samping itu , unsur kemahiran belajar dan kemahiran berfikir juga diserap dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Langkah ini adalah selaras dengan prinsip KBSR .

c . Pemulihan dan Pengkayaan

Pemulihan dan pengkayaan diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Pemulihan untuk memulihkan para pelajar yang lemah dalam pembelajaran supaya dapat menguasainya sama seperti pelajar - pelajar lain . Manakala pengkayaan bertujuan untuk mengkayakan para pelajar yang berkemampuan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran - kemahiran yang diajar oleh guru . Jika dibandingkan pemulihan dengan pengkayaan , pemulihan lebih penting dalam Pendidikan Islam kerana pemulihan memulihkan kemahiran yang tidak dikuasai oleh para pelajar sedangkan pengkayaan adalah mengkayakan lagi kemahiran yang telah dikuasainya . Masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti ini ialah guru pemulihan khas Pendidikan Islam tidak mencukupi . Untuk mengatasinya kedua - dua aspek tersebut didedah , dibengkel dan didemonstrasikan dalam kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh sama ada di peringkat PPK maupun negeri .

d . Bahasa Melayu Merentas Kurikulum

Pendidikan Islam diajar dalam bahasa Melayu baku menggunakan tulisan Jawi . Penggunaan tulisan Jawi dari tahun satu hingga tahun enam bertujuan untuk membolehkan para pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi untuk mempelajari pelbagai bidang ilmu khususnya pendidikan Islam¹⁷ . Perentasan bahasa Melayu bertujuan untuk membolehkan para pelajar menguasai bahasa Melayu dengan baik sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi negara . Dalam konteks penggunaan bahasa Melayu baku , para pelajar sukar menggunakan kerana mereka bercakap mengikut loghat masing - masing . Untuk mengatasinya , para guru memastikan mereka bercakap menggunakan bahasa Melayu baku semasa berada di sekolah khususnya di bilik darjah .

e . Nilai - Nilai Murni Merentas Kurikulum

Nilai - nilai murni diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Nilai - nilai murni tersebut seperti baik hati , berdikari , hemah tinggi , hormat menghormati , kasih sayang , keadilan , kebebasan , keberanian , kebersihan fizikal dan mental , kejujuran , kerajinan , bekerjasama , kesederhanaan , kesyukuran , rasional dan semangat bermasyarakat . Untuk memastikan nilai - nilai tersebut diajar kepada para pelajar , semua guru agama dimestikan mencatat dalam buku rekod mengajar (rancangan harian) setiap nilai yang diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah .

¹⁷ KPM (1994) . op . cit . , h . 1 dan 2 .

Secara ringkasnya penggabungan menggabungkan pelbagai kemahiran diajar dalam satu waktu pengajaran ; penyerapan menyerapkan isi kandungan mata pelajaran lain ke dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ; pemulihan memulihkan para pelajar yang lemah dan pengkayaan mengkayakan para pelajar dengan isi kandungan atau kemahiran yang baru ; penggunaan bahasa Melayu baku dan penulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ; dan penyerapan nilai - nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Langkah ini untuk menseimbang dan mengharmoniskan unsur intelek , rohani , emosi dan jasmani para pelajar dan ia selaras dengan prinsip KBSR ¹⁸ . Namun demikian , kelemahan yang dikenal pasti ialah ketidakcukupan guru pemulihan khas untuk mengajar pemulihan Pendidikan Islam . Sebagai alternatifnya semua guru agama dikehendaki mengajar pemulihan . Mereka diberi latihan dalam kursus orientasi pelaksanaan terhad dan penuh Pendidikan Islam . Manakala kelemahan lain ialah para pelajar sukar menggunakan bahasa Melayu baku dalam percakapan kerana mereka terpengaruh dengan loghat kedaerahan . Aspek ini diatasi dengan cara memastikan setiap pelajar membakukan bahasa Melayu mereka semasa bercakap di sekolah termasuk dibilik darjah .

Peruntukan Masa

Setiap mata pelajaran KBSR diberi peruntukan masa tertentu dalam seminggu . Dalam KLSR Pendidikan Islam mendapat peruntukan masa 120 minit seminggu . Pada awal pelaksanaan KBSR , Pendidikan Islam mendapat 150 minit seminggu . Mulai

¹⁸ Pusat Perkembangan Kurikulum (1995) , *op . cit .* , h . 21 .

tahun 1985 hingga kini , Pendidikan Islam mendapat pertambahan masa sebanyak 180 minit seminggu bagi SK dan SRK . Dari jumlah masa tersebut , 30 minit diperuntukkan mengajar pelajaran Jawi . Sementara SRJKC dan SRJKT mendapat 150 minit seminggu tanpa peruntukan masa untuk mengajar pelajaran Jawi . Justeru pelajaran Jawi di SRJKC dan SRJKT diajar secara sisipan dalam Pendidikan Islam .

Secara keseluruhannya peruntukan masa Pendidikan Islam KBSR bertambah jika dibandingkan dengan masa dalam KLSR . KLSR mendapat 120 minit sementara KBSR 180 minit seminggu . Pertambahan masa sebanyak satu jam . Untuk memanfaatkan maksimum masa tersebut hanya ilmu pengetahuan , kemahiran - kemahiran dan nilai - nilai pembentukan sahsiah penting sahaja diperkenalkan termasuk fardu ain kepada para pelajar sama ada dalam Bidang Asuhan Membaca Al - Quran dan Rampaian Pendidikan Agama Islam .

Penilaian

Penilaian adalah sebahagian proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam . Ada dua bentuk penilaian yang dilaksanakan dalam Pendidikan Islam KBSR iaitu PKSR dan PAFA . PKSR adalah penilaian yang dikendalikan oleh sekolah dari segi pembinaan alat penilaian dan pentadbirannya . Penilaian dijalankan secara lisan , penulisan dan pemerhatian . Penilaian lisan untuk pelajaran asuhan dan latihan membaca al - Quran , pelajaran Tajwid , budi pekerti dan ibadat ; penulisan untuk menilai aspek kognitif dalam Bidang Asuhan Membaca Al - Quran dan Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam ; dan pemerhatian untuk menilai aspek psikomotor dan efektif dalam semua

pelajaran Pendidikan Islam . Manakala PAFA adalah penilaian amalan fardu ain dijalankan oleh guru agama berpandukan alat penilaian yang ditetapkan oleh KPM . Maklumat ringkas PKSR direkod dalam rekod prestasi , rekod profil dan buku kemajuan para pelajar sementara maklumat PAFA direkod dalam penyata keputusan UPSR dan buku kemajuan mereka . Buku tersebut membantu guru agama mengesan prestasi para pelajar sementara pihak sekolah dapat memberi maklumat pencapaian kepada ibu bapa mereka . Dalam konteks pelaksanaan PKSR , ramai guru agama menghadapi masalah mengendalikan rekod prestasi yang lengkap sepertimana yang disarankan . Alasannya ialah pelajar terlalu ramai dalam sesebuah kelas , guru agama mengajar banyak kelas dan aspek penilaian terlalu terperinci . Untuk mengatasinya dicadangkan pencacatan hanya dalam rekod prestasi kelas . Kedua - dua bentuk penilaian ini merupakan pembaharuan dalam sistem penilaian sekolah rendah .

Kesimpulannya , PKSR dan PAFA adalah sesuai untuk penilaian Pendidikan Islam kerana ia dijalankan secara berterusan melalui penilaian secara lisan , penulisan dan pemerhatian . PKSR menilai aspek kognitif , psikomotor , afektif dan efektif sementara PAFA menilai aspek amalan fardu ain . Maklumat ringkas PKSR dicatat dalam rekod prestasi , rekod profil dan buku kemajuan para pelajar sementara maklumat PAFA direkod dalam penyata keputusan UPSR dan buku kemajuan mereka untuk kegunaan guru agama dan pihak sekolah . Masalah pelaksanaan PKSR ialah sukaranya guru agama mengendalikan rekod prestasi sepertimana yang disarankan kerana masalah teknikal . Untuk mengatasinya dicadangkan mereka menyediakan satu

rekod sahaja iaitu rekod prestasi kelas . Langkah ini disambut baik oleh mereka . Kedua - dua bentuk penilaian ini adalah satu pembaharuan dalam sistem pendidikan sekolah rendah .

Penguasaan Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran

Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 dan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* yang menjadi fokus kajian ini . Kedua - dua sukatan pelajaran dibahagikan kepada dua bidang iaitu Asuhan Membaca Al - Quran dan Rampaian Pendidikan Agama Islam yang mengandungi empat pelajaran iaitu budi pekerti , akidah , ibadat dan sirah . Untuk mencapai matlamat dan objektif kedua - dua sukatan pelajaran tersebut para pelajar perlu menguasai semua kemahiran dalam sukatan pelajaran berkenaan .

a . Bidang Asuhan Membaca Al - Quran

Para pelajar dari tahun satu hingga tahun enam perlu menguasai kemahiran - kemahiran yang diperlukan untuk membaca al - Quran termasuk sistem huruf dan bunyi , bentuk perkataan , ayat dan surah . Para pelajar didedahkan kepada maklumat asas dalam pembacaan al - Quran . Mereka juga perlu menguasai kemahiran - kemahiran asas tajwid untuk membolehkan mereka membaca dan menghafaz ayat al - Quran dengan betul , fasih dan lancar .

b . Bidang Rampaiyan Pendidikan Agama Islam

Para pelajar dari tahun satu hingga tahun enam perlu menguasai kemahiran - kemahiran dalam pelajaran budi pekerti , akidah , ibadat dan sirah . Kemahiran budi pekerti ialah boleh melafaz dan mengamal ucapan amalan seharian ; menjaga kebersihan diri , pakaian , tempat tinggal dan sekolah ; mematuhi semua peraturan yang ditetapkan ; beradaab sopan di rumah , di sekolah dan dalam majlis ; dan mengamal dan menghayati nilai - nilai *mahmudah* untuk membina diri , keluarga , masyarakat dan negara . Kemahiran akidah ialah mempercayai akidah Islam ; mempercayai dan mengamal Rukun Iman dan Rukun Islam ; mempercayai dan mencontohi sifat - sifat kesempurnaan Allah ; dan mengamal dan mencontohi sifat - sifat nabi dan rasul untuk panduan hidup seharian . Kemahiran ibadat ialah mengamal fardu ain ; menyuci hadath ; menyuci benda yang kotor dan terkena najis ; berpuasa bulan Ramadan ; dan menunaikan solat sunat dua hari raya . Manakala kemahiran sirah ialah mencontohi dan meneladani sirah Rasulullah s . a . w . dari aspek pekerjaan Nabi , penerimaan wahyu , dakwah baginda , penghijrahan baginda dan aktivitinya di Madinah .

Secara keseluruhannya , semua kemahiran dan isi kandungan Bidang Asuhan Membaca Al - Quran adalah sesuai dengan tahap pencapaian dan umur para pelajar sekolah rendah kerana ia mendidik dan membimbing mereka membaca al - Quran untuk diamal dalam kehidupan seharian ; menghafaz surah tertentu untuk dibaca dalam peribadatan ; dan memahami ayat al - Quran untuk dijadikan panduan hidup seharian . Begitu juga Bidang Rampaiyan Pendidikan Agama Islam . Isi kandungan dan kemahiran pelajaran budi pekerti , akidah , ibadat dan sirah dapat mendidik dan membimbing para

pelajar berakhhlak mulia dalam kehidupan seharian ; beriman dan beramal dengan ajaran Allah dan Rasulullah ; melakukan amalan ibadat seharian ; dan mempelajari sirah Rasulullah untuk diteladani . Langkah ini bertujuan untuk mempastikan semua pelajar memiliki semua kemahiran Pendidikan Islam termasuk fardu ain untuk diamal dalam kehidupan seharian . Usaha ini diperkuuhkan lagi di peringkat sekolah menengah .

Penilaian Terhadap Proses Penggubalan Kurikulum Baru

Kekuatan proses penggubalan KBSR dapat dilihat pada penggubalan dan pelaksanaan KBSR itu sendiri ; penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ; penggubalan Falsafah Pendidikan Islam ; pelaksanaan Pendidikan Moral ; dan pelaksanaan PKSR dan PAFA .

a . Penggubalan dan Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah

KBSR sebagai tapak untuk mengangkat maruah diri dan bangsa selaras dengan peredaran masa dan keperluan zaman¹⁹ ; mengangkat negara ke mercu kejayaan dan kecemerlangan²⁰ ; membangun jenerasi umat supaya mempunyai ketahanan diri yang tinggi²¹ ; membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu , berdisiplin dan terlatih²² ; membina pembangunan kemanusiaan²³ ; dan memenuhi keperluan tenaga kerja²⁴

¹⁹ Wan Mohd . Zahid Mohd . Noordin (1993) , *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian* . Kuala Lumpur : Nurin Enterprise , h . 6 .

²⁰ *Ibid* . , h . 5 .

²¹ *Ibid* .

²² *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran* , KPM (1979) , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , Perakuan 1 , h . 1 .

²³ *Ibid* . , Perakuan 452 , h . 227 .

²⁴ *Ibid* . , h . 2 .

selaras dengan wawasan pendidikan dan Wawasan 2020²⁵ .

Untuk mencapai matlamat tersebut , KBSR melaksanakan kurikulum berlandaskan prinsip - prinsip seperti pendidikan asas iaitu membaca , menulis dan mengira ; pendekatan bersepadau ; pembentukan perkembangan individu secara menyeluruh , seimbang dan sepadau ; peluang pendidikan yang sama dan luas untuk semua pelajar ; dan penekanan kepada pendidikan seumur hidup ²⁶ . Prinsip - prinsip ini diperkembang dan diperkuuhkan lagi di peringkat sekolah menengah . Pereformasian KBSR secara menyeluruh merangkumi aspek dasar , matlamat , objektif , struktur mata pelajaran dan kurikulum termasuk struktur KPM ²⁷ adalah selaras dengan saranan Persidangan Sedunia Pertama Pendidikan Islam 1977 ; *Penyata Razak 1956* ; *Penyata Rahman Talib 1960* ; *Akta Pelajaran 1961* ; *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* ; dan *Akta Pendidikan 1996* .

Faktor - faktor tersebut adalah kekuatan KBSR . Justeru ia perlu dikekalkan dan dimurnikan dari masa ke semasa hingga berjaya sepenuhnya dan mencapai kecemerlangan .

b . Penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Untuk menggubal dan melaksanakan KBSR memerlukan satu asas yang kukuh . Keperluan ini telah melahirkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara tersurat .

²⁵ Wan Mohd . Zahid Mohd . Noordin (1993) , *op . cit .* , h . 4 .

²⁶ Pusat Perkembangan Kurikulum (1995) , *op . cit .* , h . 17 hingga 20 .

²⁷ Wan Mohd . Zahid Mohd . Noordin (1993) , *op . cit .* , h . 6 .

Dalam bentuk tersirat falsafah ini terkandung dalam beberapa dokumen yang menghuraikan dasar negara dan pendidikan kebangsaan . Penggubalan penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara eksplisit dan formal pada tahun 1988 adalah merupakan satu langkah positif bertujuan untuk menjadi hala tuju dan panduan kepada perancang , penggubal , pemantau dan pelaksana dasar pendidikan kebangsaan seperti PPK , JNS , BPG , JPN , BBT , BTP , PPD dan guru - guru sekolah . Penyataan falsafah ini menjadi rujukan semua pihak dalam dan luar KPM .

c . Penggubalan Falsafah Pendidikan Islam

Untuk menggubal dan melaksanakan Pendidikan Islam dengan berkesan memerlukan satu penyataan falsafah yang menjadi asas dan rujukan . Penyataan falsafah ini digubal pada tahun 1988 . Dalam bentuk tersirat falsafah ini telah ada dalam dokumen yang menghuraikan hasrat , matlamat dan objektif Pendidikan Islam . Penggubalan penyataan Falsafah Pendidikan Islam secara tersurat adalah merupakan satu langkah bijak bertujuan untuk menjadi hala tuju dan panduan kepada perancang , penggubal , pemantau dan pelaksana Pendidikan Islam seperti PPK , JNS , BPG , JPN , PPD , BBT , BTP dan guru - guru agama . Penyataan falsafah ini merupakan satu pembaharuan dan kekuatan tersendiri untuk menjadi rujukan semua pihak khasnya pegawai - pegawai agama di bahagian KPM , JPN , PPD , JAIN dan semua guru agama termasuk sekolah agama negeri (SAN) dan sekolah agama rakyat (SAR) .

d . Pelaksanaan Pendidikan Moral

Mata pelajaran Pendidikan Moral tidak diajar sebelum KBSR . Ia diperkenalkan kepada pelajar bukan Islam dalam KBSR mulai tahun 1983 dan diajar seiring dengan Pendidikan Islam . Langkah ini merupakan satu pembaharuan dan kekuatan kerana pelaksanaan kedua - dua mata pelajaran tersebut selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bersatu padu , berdisiplin dan berakhhlak mulia serta berpegang teguh dengan ajaran agama masing - masing .

e . Pelaksanaan Penilaian Kendalian Sekolah Rendah

Ada dua bentuk penilaian dalam KBSR iaitu UPSR dan PKSR . UPSR dikendalikan oleh LPM dan mata pelajaran yang dinilai ialah bahasa Melayu , bahasa Inggeris , Sains dan Matematik . Mata pelajaran lain dinilai melalui PKSR yang dijalankan oleh pihak sekolah .

Pendidikan Islam dinilai mengikut PKSR . Alat penilaian disediakan oleh guru agama sendiri . Penilaian dijalankan secara formatif dan sumatif melalui penilaian lisan dan temu bual ; penulisan ; dan permerhatian . Penilaian lisan untuk menilai kemajuan dan pencapaian kemahiran membaca dan menghafaz ayat - al - Quran dan ayat bacaan peribadatan seharian . Sementara temu bual menilai pandangan , sikap dan tingkah laku para pelajar . Penilaian penulisan bertujuan untuk menilai aspek kognitif seperti

pelajaran budi pekerti , akidah , ibadat dan sirah . Penilaian pemerhatian bertujuan untuk menilai aspek afektif dan psikomotor seperti sikap , tingkah laku , penguasaan kemahiran dalam peribadatan , hasil kerja dan penghayatan nilai Islam seharian . Semua maklumat penilaian tersebut dianalisis dan ditafsir dalam bentuk markah dan pernyata atau gred dan direkod dalam dokumen seperti rekod profil , buku rekod mengajar dan laporan kemajuan pelajar .

Penilaian Pendidikan Islam melalui PKSR adalah satu pembaharuan . Melalui prosedur tersebut seperti penggunaan rekod anekdot , borang senarai semak dan rekod prestasi dapat mendidik , membimbing dan mengawasi para pelajar berada sopan , berakhlik mulia , beramal ibadat dan menjaga diri dari sifat negatif serta bersikap positif . Langkah ini dapat membentuk para pelajar berjati diri , berdisiplin dan beretika .

f. Pelaksanaan Penilaian Asas Fardu Ain

Selain PKSR , Pendidikan Islam dinilai melalui PAFA . PAFA dilaksanakan mulai tahun 1994 dan ia dijalankan secara berterusan sepanjang tahun . Penilaian ini bertujuan untuk memastikan setiap pelajar menguasai amalan asas fardu ain dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak . Aspek yang dimilai ialah perkara - perkara yang berkaitan amalan fardu ain dan ia tidak dirahsiakan . Penilaian dijalankan secara teori dan amali . Keputusan penilaian direkod dalam pernyata keputusan UPSR . Penilaian ini merupakan satu pembaharuan bertujuan untuk

memastikan para pelajar dapat menguasai kemahiran - kemahiran asas pendidikan Islam dan seterusnya dapat mengamal dan menghayatinya dalam kehidupan mereka sehari-hari .

Di samping kekuatan terdapat kelemahan dalam pelaksanaan Pendidikan Islam . Kelemahannya adalah dari aspek kurikulum iaitu kepadatan dan banyak ayat bacaan , hafalan dan kefahaman ; kemahiran tajwid tinggi dan diajar terpisah dari pembacaan al - Quran ; dan ketidaksempurnaan prasarana sekolah untuk aktiviti amali Pendidikan Islam . Untuk mengatasinya pihak PPK menyelaraskan isi kandungan dengan peruntukan masa yang ditetapkan kepada Pendidikan Islam sementara pihak sekolah disaran menyediakan prasarana sekolah seperti surau atau bilik khas untuk aktiviti amali Pendidikan Islam melalui inisiatif pihak sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) tanpa mengharapkan bantuan kewangan dari KPM .

B . CADANGAN

Dalam pelaksanaan Pendidikan Islam kurikulum baru dan bersepada sekolah rendah beberapa kekuatan dan kelemahan telah dikenal pasti . Aspek kekuatan dipertingkatkan dan kelemahan diperbaiki . Untuk meningkatkan lagi keberkesanan Pendidikan Islam beberapa cadangan disarankan .

a . Penyediaan Buku Panduan Yang Komprehensif

Satu buku huraian Pendidikan Islam sekolah rendah yang komprehensif perlu disediakan sebagai panduan kepada semua guru agama . Di samping itu , buku panduan lain perlu disediakan juga seperti pelaksanaan waktu amali , kurikulum dan penggunaan masjid dan surau . Semua buku tersebut perlu dicuba terlebih dahulu di sekolah - sekolah rendah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya dan didedahkan dalam kursus orientasi sebelum ianya digunakan oleh guru agama di sekolah . Untuk memastikan pelaksanaannya berkesan , pemantauan dan bimbingan perlu dijalankan berterusan oleh pihak yang bertanggungjawab .

b . Kursus Dalam Perkhidmatan

Kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan profesionalisme semua guru agama perlu diadakan dari masa ke semasa mengikut keperluan . Fokus kursus tersebut ialah kaedah dan teknik yang berkesan ; pengembangan kemahiran ; penyerapan ilmu pengetahuan ; penggunaan BBM ; bahasa Melayu dan nilai murni merentas kurikulum ; semangat patriotisme , pendidikan kewarganegaraan ; pendidikan alam sekitar ; penilaian ; sains dan teknologi , kemahiran berfikir ; kemahiran belajar ; kesepadan pengetahuan dan amalan ; dan kurikulum dan kokurikulum . Kursus tersebut

dijalankan dalam bentuk percambahan fikiran , perbengkelan dan pengajaran mikro dengan dibimbing oleh pakar Pendidikan Islam . Penekanan kepada aspek tersebut untuk memantap dan menjitukan kefahaman guru agama untuk meningkatkan lagi prestasi Pendidikan Islam sekolah rendah . Projek perintis mengajar perlu dijalankan di sekolah percubaan untuk mengenal pasti keberkesanannya sebelum ia dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara . Tindakan susulan perlu dijalankan untuk memastikan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam .

c . Penyediaan Bilik Makmal

Bilik makmal yang dimaksudkan adalah bilik makmal yang lengkap dengan kemudahan untuk menjalankan semua aktiviti Pendidikan Islam secara amali . Bilik makmal tersebut mengandungi tempat melakukan amal ibadat seperti tempat berwuduk , bilik solat dan bilik perbincangan ; bilik teknologi elektronik seperti penggunaan komputer , tayangan video cakra padat , cakra padat dan slaid . Kursus orientasi penggunaan bilik makmal ini perlulah diberi kepada semua guru agama sebelum ianya dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara . Pemantauan dan bimbingan perlu dijalankan secara berterusan supaya objektif yang ditetapkan tercapai .

d . Peruntukan Khas / Per Kapita

Peruntukan khas / per kapita untuk Pendidikan Islam perlu disediakan oleh KPM . Tujuannya adalah untuk membolehkan aktiviti kurikulum dan kokurikulum serta pengukuhan Pendidikan Islam dapat dijalankan dengan sempurna seperti mana yang disaran dalam buku panduan . Dengan peruntukan kewangan tersebut dapatlah digunakan untuk membeli bahan pengajaran dan pembelajaran seperti buku bacaan tambahan , peralatan solat dan bahan pembelajaran . Langkah ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan Pendidikan Islam mencapai objektif dan matlamatnya seperti mana yang ditetapkan .

e . Budaya Kecemerlangan

Budaya kecemerlangan hendaklah sentiasa dipupuk berterusan kepada para pelajar di sekolah rendah di bawah pengawasan dan bimbingan sekolah dan semua guru . Aspek kualiti pengurusan , kualiti pendidikan , pengamalan ajaran Islam , keadaan sekolah , sosial sekolah , budaya ilmu dan penggunaan bahasa Melayu dirancang dan dipupuk berterusan di sekolah agar ia menjadi budaya hidup para pelajar . Aspek kualiti pengurusan bertujuan untuk membawa sekolah ke tahap kecemerlangan dalam bidang pendidikan . Untuk mencapai tujuan tersebut visi , misi dan matlamat sekolah hendaklah jelas serta program sekolah yang dirancang mestilah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan . Langkah ini untuk memastikan aktiviti sekolah berjalan lancar .

Aspek kualiti pendidikan bertujuan untuk mencapai kejayaan para pelajar dalam UPSR dan PKSR . Usaha untuk meningkat pencapaian UPSR dijalankan melalui kelas tambahan atau intensif . Manakala peningkatan pencapaian akademik dan kurikulum dalam PKSR dijalankan melalui penilaian berterusan dengan merujuk kepada borang senarai semak , rekod prestasi dan rekod profil untuk membimbing para pelajar berjaya dalam bidang tersebut .

Aspek pengamalan ajaran Islam bertujuan untuk membimbing para pelajar mengamal dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari seperti menjaga kebersihan , mengambil wuduk dan mengerjakan solat fardu . Cara membersihkan sesuatu dijalankan di tempat tertentu . Cara mengambil wuduk dan mengerjakan solat fardu dijalankan melalui latihan amali di surau sekolah . Untuk memastikan amalan solat fardu dilakukan secara berterusan oleh para pelajar , sebuah buku senarai semak ‘ Program Sembahyang Kewajipanku ’ disediakan bagi setiap pelajar ²⁸ . Mereka dikehendaki menandakan dalam buku tersebut sama ada mereka menunaikan solat fardu atau tidak setiap hari . Buku tersebut mestilah ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga sebelum menyerahkannya kepada guru agama . Langkah ini memberi kesan positif dan patut dicontohi oleh semua sekolah rendah seluruh negara .

²⁸ Projek ini dijalankan oleh Sekolah Kebangsaan Seri Indera , Kangar , Perlis . Sekolah ini menjadi johan Anugerah Kualiti Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia bagi kategori sekolah rendah dalam bandar tahun 1997 . Penyelidik adalah salah seorang penilai prestasi sekolah anugerah kualiti tersebut termasuk sekolah ini .

Aspek keadaan sekolah untuk memastikan sekolah sentiasa bersih seperti bangunan , kawasan , surau , tempat wuduk , bilik solat dan tandas ; semua kemudahan yang sedia ada di sekolah bersih dan selamat seperti perkakas , peralatan dan alat keselamatan ; semua kemudahan di sekolah digunakan dengan baik tanpa pembaziran seperti air dan elektrik ; dan kawasan sekolah ceria dan mempunyai pohon - pohon , pokok - pokok bunga dan perhiasan - perhiasan seperti mural dan kata - kata hikmah yang meransangkan pembelajaran .

Aspek sosial sekolah bertujuan untuk mendidik dan membimbing para pelajar berkomunikasi dengan kawan rakan , menyesuaikan diri dengan masyarakat dan mengamal dan menghayati nilai - nilai positif . Nilai - nilai yang diberi penekanan dalam masyarakat sekolah ialah hormat menghormati ; bertanggungjawab ; bekerjasama ; kekitaan , kebangsaan , kesetiaan ; perpaduan ; bermesra ; periang ; dan keadilan . Sifat - sifat tersebut dapat membimbing para pelajar menjadi seorang yang baik dan seterusnya menjadi warganegara yang bertanggungjawab .

Aspek budaya ilmu bertujuan untuk merangsang semangat mahu belajar para pelajar dan mencapai kejayaan dalam pelajaran . Untuk mencapai tujuan tersebut nilai - nilai positif ditanam dan dipupuk kepada mereka seperti rajin belajar , rajin mengulang kaji pelajaran , membuat kerja yang berfaedah , suka berbincang dan memberi pendapat , melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum termasuk aktiviti panitia mata pelajaran . Di samping itu , kaedah pengajaran yang berkesan ; penggunaan bahan media massa sebagai BBM ; suasana bilik darjah yang kondusif ; kemudahan penggunaan

perpustakaan ; perkhidmatan kaunseling dan bimbingan yang baik dan penggunaan bahasa Melayu baku dan betul dalam dan luar bilik darjah adalah merangsangkan berterusan semangat belajar para pelajar .

f. Penubuhan Bahagian Khusus Untuk Pendidikan Islam

Pentadbiran dan pelaksanaan Pendidikan Islam kini ditadbir oleh pelbagai pihak dalam KPM seperti Pendidikan Islam KBSR dan KBSM di bawah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) , pemeriksaan dan penilaian di bawah LPM dan buku teks di bawah BBT . Manakala SAN di bawah pentadbiran JAIN dan SAR pula di bawah kelolaan pihak swasta yang mendapat bantuan kewangan daripada KPM . Justeru itu , dicadangkan ia diletakkan di bawah satu bahagian pentadbiran sahaja di JAPIM , KPM . Langkah ini bertujuan untuk menyelaras dan mempertingkatkan lagi profesionalisme guru - guru agama , prestasi dan keberkesanannya pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah - sekolah berasaskan kepada prinsip - prinsip KBSR , Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam .

g . Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru

Usaha mendidik dan membimbing para pelajar dijalankan oleh guru di sekolah . Usaha murni ini perlu diteruskan oleh ibu bapa di rumah . Langkah ini bertujuan untuk memastikan para pelajar mendapat pendidikan dan bimbingan yang berterusan . Ibu bapa

perlu menyokong dan bekerjasama sepenuhnya apa - apa aktiviti yang dijalankan oleh sekolah untuk meningkatkan prestasi kemajuan pendidikan anak - anak mereka . Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah ialah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa atau sebaliknya dari semasa ke semasa untuk membincangkan masalah pendidikan anak - anak mereka dan cara - cara mengatasinya . Di samping itu , pihak sekolah juga boleh membuat lawatan ke rumah ibu bapa para pelajar untuk membincangkan masalah pembelajaran anak - anak mereka²⁹ . Antara peranan ibu bapa di rumah ialah memastikan para pelajar pergi ke sekolah , membantu mengulang kaji pelajaran , membimbing menunaikan solat fardu dan memastikan mereka tidak terlibat dengan aktiviti yang negatif . Selain itu , suasana persekitaran yang kondusif juga mempengaruhi tingkah laku dan pendidikan para pelajar . Justeru , jika ketiga - tiga institusi ini iaitu sekolah , rumah dan komuniti setempat bersikap positif dan proaktif , insya - Allah matlamat Pendidikan Islam dan falsafahnya akan tercapai . Seterusnya matlamat pendidikan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga akan tercapai .

Penutup

KPM telah melaksanakan KBSR mulai tahun 1983 hingga kini . Pelaksanaan KBSR adalah merupakan reformasi menyeluruh dalam nostalgia KPM . Walaupun

²⁹ Aktiviti seperti ini dijalankan oleh Sekolah Kebangsaan Seri Indera , Kangar , Perlis . Dalam lawatan tersebut dibincangkan masalah pembelajaran para pelajar dan cara untuk mengatasinya . Para pelajar yang berjaya mendapat hadiah diberi dalam majlis ini di depan keluarga mereka . Langkah ini bertujuan untuk merangsangkan mereka supaya rajin belajar . Aktiviti ini patut dicontohi oleh sekolah lain .

sebelum ini telah dilaksanakan beberapa reformasi pendidikan tetapi ianya melibatkan aspek tertentu sahaja seperti program latihan guru yang dikenali *Regional Training Centre (RTC)* 1965 . Reformasi KBSR melibatkan perubahan dasar dan sistem , struktur KPM , struktur dan komponen mata pelajaran , kurikulum , prinsip , penekanan , strategi pelaksanaan , strategi pengajaran dan pembelajaran serta BBM . Ia bertujuan untuk melaksanakan keputusan Persidangan Sedunia Pertama Pendidikan Islam 1977 yang menyarankan agar sistem pendidikan di negara umat Islam yang didominasi oleh konsep sekularisme hendaklah berpaksikan kepada konsep ketuhanan dan Islam . Ia juga mengukuhkan lagi dasar dan sistem pendidikan kebangsaan , melaksanakan perakuan - perakuan dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979* dan *Akta Pendidikan 1996* .

Pelaksanaan KBSR sebagai tapak untuk membentuk rakyat Malaysia bersatu padu , berdisiplin , terlatih , berilmu pengetahuan , berketrampilan untuk membangun Malaysia menjadi sebuah negara maju dalam bidang sains dan teknologi moden setanding dengan negara - negara lain . Justeru kurikulum yang digubal dan diimplementasikan menjurus kepada matlamat tersebut yang selaras dengan wawasan pendidikan , pembangunan negara , pembangunan kemanusiaan dan Wawsan 2020 . Usaha ini diteruskan di peringkat sekolah menengah agar ia mencapai matlamat yang ditetapkan .

Reformasi ini melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam . Ada dua sukatan pelajaran yang telah dibincang dalam disertasi ini iaitu Sukatan Pelajaran Agama Islam 1977 dan *Sukatan Pelajaran Agama Islam 1982* . Sukatan pelajaran pertama

dicuba sebelum pelaksanaan KBSR manakala sukanan pelajaran kedua di cuba dan dilaksanakan dalam KBSR . Kedua - dua sukanan pelajaran ini memberi penekanan kepada kemahiran membaca , menghafaz dan memahami ayat - ayat al - Quran untuk melahirkan jenerasi al - Quran ; mengamal dan menghayati perkara - perkara asas ajaran Islam dalam kehidupan seharian ; mengimani kepada Allah dan Rasulullah untuk mengukuhkan ketahanan akidah ; mendidik dan membimbing para pelajar berakhlik mulia dalam kehidupan bermasyarakat ; dan mencantohi sirah Rasulullah s . a . w . sebagai panduan hidup . Usaha ini diteruskan di peringkat sekolah menengah kerana ia selaras dengan aspirasi masyarakat Islam kini , matlamat dan Falsafah Pendidikan Islam .

Usaha perlu diteruskan dari semasa ke semasa untuk memantap dan menjitukan lagi pelaksanaan KBSR dan Pendidikan Islam agar ia lebih efektif dan berjaya sepenuhnya seperti mana yang telah ditetapkan . Langkah ini selaras dengan matlamat pendidikan , matlamat Pendidikan Islam dan falsafahnya serta Falsafah Pendidikan **Kebangsaan** .